



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA OKTOBER 2024

Perdagangan Malaysia berkembang kepada RM244.3 bilion pada Oktober 2024, didorong oleh peningkatan eksport (+1.6%) dan import (+2.6%)

PUTRAJAYA, 19 NOVEMBER 2024 – Prestasi perdagangan Malaysia menunjukkan pertumbuhan berterusan pada Oktober 2024, dengan peningkatan dalam eksport dan import yang mencerminkan trajektori ekonomi yang positif. Jumlah dagangan meningkat 2.1 peratus daripada RM239.3 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM244.3 bilion. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan eksport 1.6 peratus atau RM2.0 bilion dan import 2.6 peratus, mencapai RM116.1 bilion. Namun begitu, imbalan dagangan turun 7.6 peratus kepada RM12.0 bilion pada Oktober 2024 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, OKTOBER 2024**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan prestasi eksport Malaysia meningkat selaras dengan kenaikan eksport domestik pada Oktober 2024. Eksport domestik (77.6% daripada jumlah eksport) meningkat 3.1 peratus berbanding Oktober 2023, dengan nilai RM99.4 bilion, manakala eksport semula (22.4% daripada jumlah eksport) jatuh 3.5 peratus kepada

RM28.7 bilion. Di samping itu, import bernilai RM116.1 bilion, meningkat 2.6 peratus. Lebihan dagangan menurun 7.6 peratus kepada RM12.0 bilion, lebihan bulan ke-54 berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding September 2024, eksport, import dan jumlah dagangan masing-masing mencatatkan peningkatan 3.7 peratus, 4.8 peratus dan 4.2 peratus. Sebaliknya, imbalan dagangan mencatatkan penurunan 6.2 peratus.

Melihat dari sudut kumpulan barangan, 129 daripada 259 kumpulan eksport dan 151 daripada 259 kumpulan import menunjukkan peningkatan berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menekankan bahawa eksport yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya ke Amerika Syarikat (+RM4.6 bilion), diikuti oleh Taiwan (+RM1.9 bilion), Singapura (+RM998.3 juta), India (+RM921.5 juta), Turkiye (+RM757.7 juta), Kesatuan Eropah (+RM748.0 juta) dan Indonesia (+RM618.3 juta). Selain itu, peningkatan import pula disumbangkan terutamanya dari Amerika Syarikat (+RM3.1 bilion), diikuti oleh Taiwan (+RM2.1 bilion), Mexico (+RM1.1 bilion), Angola (+RM707.4 juta), Kesatuan Eropah (+RM399.2 juta), Kuwait (+RM274.7 juta) dan Afrika Selatan (+RM244.3 juta).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, kenaikan ini sejajar dengan peningkatan dalam barangan elektrik & elektronik (+RM3.8 bilion); barangan perkilangan lain (+RM991.1 juta); minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan kelapa sawit (+RM785.3 juta); produk getah (+RM610.8 juta); makanan diproses (+RM554.0 juta); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM549.4 juta); dan barangan perkilangan berasaskan kelapa sawit (+RM487.2 juta). Selain itu, peningkatan import dicatatkan bagi barangan elektrik & elektronik (+RM9.0 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM2.0 bilion);

pertanian lain (+RM830.6 juta); petroleum mentah (+RM547.1 juta); gas asli cecair (+RM523.7 juta); dan minyak sayuran lain (+RM249.5 juta).


Selanjutnya, Ketua Perangkawan Malaysia juga memaklumkan pertambahan import mengikut Penggunaan Akhir adalah seiring dengan permintaan yang lebih tinggi bagi barangan perantaraan dan barangan penggunaan. Import barangan perantaraan (53.9% daripada jumlah import), bernilai RM62.6 bilion, mencatatkan peningkatan 12.3 peratus atau RM6.8 bilion berbanding Oktober 2023. Barangan penggunaan (8.3% daripada jumlah import), meningkat 3.0 peratus atau RM276.4 juta mencapai RM9.6 bilion. Sebaliknya, barangan modal (10.6% daripada jumlah import) dengan nilai RM12.4 bilion, menurun 2.7 peratus atau RM344.2 juta

Jumlah dagangan, eksport dan import bagi tempoh Januari hingga Oktober 2024 mencatatkan peningkatan. Jumlah dagangan meningkat 9.3 peratus, daripada RM2.2 trilion kepada RM2.4 trilion, sejajar dengan kenaikan eksport (+4.8%) serta import (+14.6%). Sebaliknya, lebih dagangan berkurang 46.3 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2023 mencatatkan nilai RM102.8 bilion.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Okt 2024 (Nilai)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Okt 2024
(Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 3: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2024 (Jan-Okt)



Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), Jan 2023 – Okt 2024
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), 2020 – 2024 (Jan-Okt)



Jadual 1: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Eksport

KETERANGAN KOMODITI	2023	2024	2024	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	OKT RM BIL.	SEP RM BIL.	OKT RM BIL.		NILAI RM BIL.	%
Jumlah	126,152	123,557	128,120	100.0	1,968	1.6
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	49,183	54,499	52,941	41.3	3,758	7.6
Minyak Kelapa Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Kelapa Sawit	6,599	6,855	7,384	5.8	785.3	11.9
Produk Getah	1,792	1,972	2,403	1.9	610.8	34.1
Makanan Diproses	2,783	2,948	3,337	2.6	554.0	19.9
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,157	5,529	5,707	4.5	549.4	10.7

Jadual 2: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Import

KETERANGAN KOMODITI	2023	2024	2024	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	OKT RM BIL.	SEP RM BIL.	OKT RM BIL.		NILAI RM BIL.	%
Jumlah	113,187	110,790	116,142	100.0	2,955	2.6
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	32,275	40,775	41,243	35.5	8,968	27.8
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	8,761	8,734	10,765	9.3	2,004	22.9
Petroleum Mentah	6,159	4,864	6,706	5.8	547.1	8.9
Gas Asli Cecair	373.2	910.1	897.0	0.8	523.7	140.3
Tekstil, Pakaian & Kasut	1,548	1,584	1,722	1.5	173.9	11.2

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

19 NOVEMBER 2024